



27 APR, 2020

COVID-19: BANGKITKAN PROSES PENDIGITALAN MASYARAKAT

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

COVID-19: BANGKITKAN PROSES PENDIGITALAN MASYARAKAT

KETIKA tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) agak sukar untuk diramal bila akan berakhir, ramai rakyat di luar sana telah mula berubah ke 'norma baharu' dalam kehidupan berikutan ancaman pandemik Covid-19.

Secara sedar atau tidak, sejak PKP diumumkan oleh perdana menteri pada 18 Mac yang lalu, kedai makan dan minum, kedai peralatan pertanian dan sebagainya telah secara perlahan-lahan melakukan urusan jual beli dalam talian.

Malah, ketika PKP fasa ketiga ini, beberapa pusat beli-belah yang menjadi tumpuan ramai sebelum ini, makin hebat memasarkan pelbagai produk barang keperluan harian secara

dalam talian, dengan pelanggan boleh membeli secara dalam talian untuk mereka yang tidak suka beratur panjang, dan hanya perlu datang mengambil barangan yang mereka beli di depan pusat beli-belah tersebut.

Kalau dulu, barangan yang mahu dibeli atau dipilih oleh pengguna agak kurang tetapi sejak akhir-akhir ini, pelbagai jenis barangan keperluan harian sudah boleh didapati secara dalam talian dalam laman web pusat beli-belah tersebut.

Malah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memberitahu, pembelian dan jualan produk berasaskan industri asas tani secara dalam talian mencatat peningkatan lebih



WACANA PENGARANG

RM3 juta dalam tempoh lima minggu sejak pelaksanaan PKP.

Ia termasuk pembelian dan penjualan menerusi platform 'Agrobazaar Online' dan 'NekmatBiz' di bawah kendalian Lembaga Pemasaran Pertanian

Persekutuan (FAMA).

Bagi masyarakat, mahu tidak mahu! Ramai yang terpaksa belajar berurusan secara dalam talian dengan membeli pelbagai jenis barangan keperluan harian.

Sekitar Bandar Raya Kuching, tekan sahaja laman web tertentu, atau mereka yang menawarkan penghantaran barangan keperluan harian, termasuk makanan dan minuman, sayur-sayuran dan sebagainya, tunggu dalam sejam dua, barangan akan sampai di rumah.

Semua itu ialah sebahagian daripada usaha kerajaan dalam perang mesti menang dan dalam usaha memutuskan rantaian penularan wabak Covid-19.

Itulah terselit sedikit yang

positifnya ketika kita mendepani 'musuh tidak kelihatan' disebalik pelaksanaan PKP.

Akhirnya nanti, masyarakat secara tidak langsung atau tanpa sedar, bergerak ke depan dengan lebih pantas dalam menyahut cabaran memperkasa proses pendigitalan di negara ini.

Masyarakat mahu tidak mahu! Bersedia atau tidak!. Proses pendigitalan kini sudah berada di depan rumah mereka. Situasi ketika ini seolah-olah memaksa rakyat, jangan ada yang ketinggalan menguasai ilmu teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), terutamanya secara dalam talian bagi memudahkan dan menyelesaikan, termasuk demi keselamatan ketika PKP ini.



27 APR, 2020

COVID-19: BANGKITKAN PROSES PENDIGITALAN MASYARAKAT

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KETIKA tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) agak sukar untuk diramal bila akan berakhir, ramai rakyat di luar sana telah mula berubah ke 'norma baharu' dalam kehidupan berikutan ancaman pandemik Covid-19. Secara sedar atau tidak, sejak PKP diumumkan oleh perdana menteri pada 18 Mac yang lalu, kedai makan dan minum, kedai peralatan pertanian dan sebagainya telah secara perlahan-lahan melakukan urusan jual beli dalam talian.